

IKLAN JAWATAN KOSONG



Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu dengan ini mempelawa calon-calon **Bumiputera Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **tetap** di UiTM Cawangan Terengganu bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

A. JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
A.	KUMPULAN PELAKSANA				
1.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	Pengawal Keselamatan	RM1,205.00	- RM2,939.00

B. SYARAT LANTIKAN

1) **PENGAWAL KESELAMATAN (GRED KP11)**

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau

(ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);

dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindra seperti yang berikut:

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(c)(i) hendaklah memiliki Keujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- (b) Hanya Permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (c) Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan Salinan sijil-sijil yang disahkan benar dari Salinan asal dan mengikut susunan berikut :-
- (i) Salinan Kad Pengenalan
 - (ii) Salinan Sijil MCE/SPM,HSC/STPM atau setaraf
 - (iii) Ijazah / Diploma/ Sijil Politeknik atau setaraf
 - (iv) Surat Pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji
 - (v) Dokumen berkaitan jawatan yang dipohon
- (d) Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri (atas) sampul surat borang permohonan.
- (e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.

D. CARA MEMBUAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan Perjawatan Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu di <http://terengganu.uitm.edu.my/> dan juga boleh didapati di Bahagian Pentadbiran, Aras 2, Bangunan Integriti, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu.

Sila kemukakan permohonan kepada :-

TIMBALAN PENDAFTAR KANAN

BAHAGIAN PENTADBIRAN
ARAS 2, BANGUNAN INTEGRITI
UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS DUNGUN
23000 DUNGUN
TERENGGANU DARUL IMAN

Tarikh tutup penerimaan borang ialah pada : 6 Januari 2019

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD(PT.19/2)
Bil Iklan : 4/2018
Tarikh : 23 Disember 2018